

1972

ALOR SETAR, 24 DISEMBER (BERNAMA) -- DEWAN PERNIAGAAN MELAYU NEGERI KEDAH SEDANG MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH NEMPERKEMASKAN LAGI SISTEM BANTUAN NASIHAT DAN KEMUDAHAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA NEGERI INI.

LANGKAH ITU DIAMBIL BAGI MEMUDAHKAN PENIAGA-PENIAGA UNTUK MENYERTAI SEPENUHNYA DALAM RANCANGAN-RANCANGAN DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN. DEMIKIAN Pengerusinya, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, MENYATAKAN HARI INI.

SEBAGAI LANGKAH PERMULAAN, SEBUAH JAWATANKUASA KERJA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH BELIAU SENDIRI TELAH DITUBUHKAN BARU-BARU INI.

JAWATANKUASA TERSEBUT ADALAH BERTANGGUNGJAWAB DALAM SEMUA PERKARA BERHUBUNG DENGAN KEPENTINGAN DEWAN, PENIAGA DAN JUGA KEDAJAAN.

SELAIN DARI ITU, DEWAN ITU JUGA SEKARANG INI BERUSAHA UNTUK Mencari PENIAGA-PENIAGA TERUTAMANYA PENIAGA-PENIAGA KECIL SUPAYA MENYERTAI RANCANGAN ANJURAN DEWAN.

ADALAH MENJADI NATLAMAT DEWAN ITU MENGUMPULKAN PENIAGA-PENIAGA KECIL SUPAYA MEREKA MENDAPAT SEGALA PENERANGAN YANG TEPAT MENGENAI TUJUAN PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN DAN CARA-CARA MEREKA BOLEH MENDAPATNYA, UJUR BELIAU. --
BERSAMBUNG 1647/ZCM

578:

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

92

BELIAU YAKIN PENIAGA-PENIAGA ITU CUMA TAHU TENTANG TUJUAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN SAHAJA TETAPI MEREKA KURANG TAHU BAGAIMANA CARA MEREKA DAPAT MENYERTAI BERSAMA.

DEWAN PERNIAGAAN SEBAGAI BADAN PERANTARAAN ANTARA PENIAGA-PENIAGA DENGAN KERAJAAN ADALAH BERTANGGUNGJAWAB KE ARAH MENJAYAKAN PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN DI NEGERI INI.

BERHUBUNG DENGAN PERKARA TERSEBUT, DEWAN SEDANG MERANCANG UNTUK MENUBUHKAN SATU PERSATUAN DAN SYARIKAT UNTUK PENIAGA-PENIAGA KECIL TIDAK LAMA LAGI.

KATANYA, HAMPIR 2,000 ORANG PENIAGA KECIL DALAM NEGERI INI AKAN DIJEMPUT MENDUDUKI DI BAWAH SATU PERSATUAN DAN SYARIKAT YANG BENAR-BENAR DAPAT MENOLONG MEREKA MENJAYAKAN PERNIAGAAN MASING-MASING.

DR. MAHATHIR BERHARAP PENIAGA-PENIAGA KECIL NEGERI INI BERNHUBUNG RAPAT DENGAN DEWAN SUPAAA MUDAH MEMBERIKAN NASIHAT DAN SEBAGAINYA KEPADA MEREKA UNTUK MENJADI PENIAGA YANG BENAR-BENAR BERJAYA KELAK. -- BERNAMA